

PERIBAHASA BAHASA MELAYU -PERIBAHASA BAHASA CINA: MERUNGKAIKAN PERSAMAAN MAKNA DAN PERTENTANGAN DEDUA

Noor Aina Dani

Abstrak

Masyarakat Melayu dan Cina mewarisi himpunan peribahasa yang banyak tetapi peribahasa bahasa Melayu lebih banyak diketahui oleh masyarakat majmuk di Malaysia. Dengan meneliti 30 peribahasa bahasa Melayu dan 30 peribahasa bahasa Cina, penyelidik mencari persamaan makna antara kedua-duanya. Selain itu, penyelidik menerapkan teori dekonstruksi untuk memperinci entiti, pertentangan dedua dan hierarki dominan yang wujud dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina. Hasil kajian menunjukkan bahawa makna daripada pemikiran dan pengalaman hidup yang dilestarikan oleh orang Melayu dan orang Cina melalui peribahasa lebih banyak menunjukkan keserasian dan kesejajaran daripada perbezaan. Pemilihan unsur dalam penciptaan peribahasa masing-masing ada menunjukkan kelainan semasa memperkatakan sesuatu kejadian yang sama.

Abstract

The Malay and Chinese society inherited collections of proverb but Malay proverb was more known by the plural society in Malaysia. By examining carefully 30 Malay proverbs and 30 Chinese proverbs, the researcher seek to find similarity in meaning between the two. Besides that, the researcher applied theory of deconstruction as to examine the existence of entity, binary oppositions, and dominant hierarchy in Malay and Chinese proverb. The finding revealed compatibility and parallelism rather than dissimilarity in meanings derived from thinking and life experience perpetuated by the Malays and Chinese via proverb. Selection of element in the creation of each other proverb did indicate a difference while discussing the same phenomenon.

PENDAHULUAN

Peribahasa sama tua dengan bahasa sesuatu bangsa. Peribahasa mula-mula digunakan sewaktu sesuatu bangsa mula mengenal peradaban, ketika kehidupan manusia perlu diatur, batas air perlu diadakan, untuk menjadikan pendinding tatatertib pergaulan, dan perhubungan sesama manusia (Abdullah Hussain, 1975). Peribahasa sesuatu bangsa tidak lahir secara tiba-tiba, sebaliknya tumbuh setelah diuji kebenarannya melalui pemerhatian yang lama. Pada mulanya, sesuatu ungkapan digunakan oleh seseorang yang bijak dan pantas fikirannya. Bentuknya ringkas, tepat, dengan maksud yang hendak dicapai dan mengandungi kebenaran yang terbit daripada pengalaman sendiri atau yang telah diperhatikannya berlaku kepada diri orang lain. Susunan kata yang ringkas ini kemudian disebarikan dari mulut ke mulut apabila manusia berhubung antara satu sama lain, dan digunakan berulang-ulang sehingga terkenal. Pada masa itulah timbul pelbagai istilah yang merujuk kepada kata-kata tersebut, iaitu peribahasa, bidalan, pepatah dan perumpamaan, yang semuanya mendukung maksud yang sama (Zainal Abidin Ahmad, 2002) atau Za'ba.

Masyarakat Melayu lama menggunakan peribahasa dalam pertuturan sehari-hari, sesuai dengan budaya bangsa Melayu yang tidak gemar berterus terang tentang baik buruk seseorang. Mereka menggunakan peribahasa untuk menegur, menyatakan hasrat hati dan melahirkan perasaan pada ketika yang tertentu. Clifford dan Swettenham, dua orang gabenor jeneral Malaya yang pernah hidup dalam kalangan orang Melayu ada menyebut bahawa peribahasa ialah bahasa diplomatik, sesuai untuk mengelakkan diri daripada terlalu berterus terang. Peribahasa begitu indah dan enak, tetapi boleh menjadi sebaliknya, sebagai cerminan ketertiban orang Melayu (Brown, 1951).

Penggunaan peribahasa untuk memberikan tunjuk ajar, menyindir, atau menegur dapat menghindarkan kata-kata kasar yang boleh melukakan hati orang yang dimaksudkan. Pujian yang disampaikan dengan peribahasa pula bukan sahaja halus, bahkan sedap didengar dan menyenangkan hati si pendengar. Orang Melayu menjadikan peribahasa sebagai pedoman hidup kerana isinya yang benar dan luas. Sebagai contoh, dalam pidato adat pada upacara perkahwinan, nasihat disampaikan kepada mempelai lelaki diselingsi peribahasa yang berbunyi, "jangan digenggam bagai bara, terasa hangat dilepaskan", yang bermaksud menyenangi sesuatu pada ketika senangnya sahaja, tetapi apabila berhadapan dengan kesusahan, ditinggalkan (Mohd. Tajuddin Hj. Abd. Rahman, 2002).

Penggunaan peribahasa dalam masyarakat Cina pada zaman dahulu

tidak banyak berbeza daripada penggunaannya dalam masyarakat Melayu. Peribahasa Cina berfungsi sebagai wahana untuk menyampaikan ilmu, memuji, memberikan nasihat, teguran, sindiran dan pengajaran kepada masyarakat dari satu zaman ke satu zaman. Sama seperti orang Melayu, bangsa Cina yang mengamalkan budaya ketimuran tidak gemar berterus terang ketika berinteraksi sesama mereka. Mereka menjaga perasaan orang lain walaupun sewaktu memberikan teguran dan nasihat. Dengan rangkap kata yang disusun indah, masyarakat Cina memuji, menyindir, atau menegur dengan cara yang halus, tanpa menjatuhkan air muka seseorang, tetapi memberikan kesan yang mendalam kepada orang yang mendengar.

Peribahasa bahasa Cina ialah hasil ciptaan bersama masyarakat Cina dahulu kala yang tidak diketahui nama penciptanya. Peribahasa bahasa Cina ibarat “garam” dalam pertuturan sehari-hari. Mereka dapat mengamati apa-apa yang berlaku di persekitaran mereka lalu dibentuk peribahasa untuk melahirkan idea dan pandangan hidup. Peribahasa yang berbunyi, “kucing tidak dapat mengubah tabiatnya yang suka mencuri makan”, diibaratkan seperti manusia yang tidak dapat diubah perangai buruknya. Sindiran peribahasa tersebut cukup tajam, iaitu jika seseorang itu degil dan tidak mahu menurut kata, tabiat orang itu samalah dengan tabiat kucing. Sikap kucing yang suka mencuri makanan dijadikan kias ibarat untuk menyindir anggota masyarakat yang degil (Luo Huayian, 2000).

Penjenisan Peribahasa

Penjenisan peribahasa bahasa Melayu sebagaimana yang telah dibuat oleh Za'ba adalah seperti pada Rajah 1 yang berikut:



Rajah 1 Penjenisan peribahasa bahasa Melayu oleh Za'ba (2002).

Za'ba (2002:170) mendefinisikan peribahasa sebagai segala susunan cakap yang pendek, yang telah melekat di mulut orang ramai sejak zaman-berzaman. Hal ini demikian kerana ungkapan-ungkapan ini sedap didengar dan dalam maknanya; digunakan oleh orang sebagai bandingan, teladan dan bahan pengajaran. Peribahasa bahasa Melayu terdiri daripada bidalan, pepatah, perbilangan, perumpamaan dan lidah pendeta.

Bidalan dikenali sebagai *kata orang tua-tua* atau *madah pujangga* kerana bidalan ialah ungkapan yang digunakan untuk melahirkan fikiran yang tajam, tepat, mengandungi perbandingan, teladan, pengajaran, nasihat dan kata-kata hikmat (Mohd. Tajuddin Hj. Abdul Rahman dan Rahman Shaari, 1997:162). Dalam bidalan, dapat dilihat keindahan susunan bahasa dan unsur budaya. Bidalan tergolong dalam kumpulan peribahasa yang mempunyai erti selapis, iaitu susunan katanya tidak berselindung-selindung. Yang tersurat ialah maksudnya. Umpamanya, “ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras” (jika mempunyai ilmu pengetahuan, kemahiran ataupun wang yang banyak, segala-galanya boleh dikerjakan).

Pepatah terhasil daripada sesuatu peristiwa yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari anggota masyarakat (Mohd. Tajuddin Hj. Abdul Rahman dan Rahman Shaari, 1997:151). Pepatah mementingkan susunan bahasa yang boleh “melekat di mulut” dan menjadi sebutan yang dihayati. Di samping itu, pepatah juga mementingkan pengajaran dan pendidikan, misalnya “bawa resmi padi, makin berisi makin randuk” (jika telah memperoleh kedudukan, pangkat atau kekayaan, hendaklah bersikap rendah diri supaya tidak dibenci orang).

Perbilangan pula ialah salah satu mutiara kata utama masyarakat Melayu lama dan telah sehati dengan masyarakat ini sehingga digunakan sebagai undang-undang adat (Mohd. Tajuddin Hj. Abdul Rahman dan Rahman Shaari, 1997:171). Perbilangan mempunyai kehalusan bahasa dan kedalaman makna. Sifat beginilah yang menyebabkan perbilangan berperanan sebagai alat yang digunakan dalam sesuatu adat istiadat. Perbilangan terdiri daripada kata yang berkerat-kerat dan dilafazkan satu per satu, seperti orang membilang sesuatu perkara. Lebih tepat lagi, perbilangan ialah “perkataan yang disusun berbilang-bilang dan dituturkan bait demi bait”. Sebagai contoh, “alah bisa tegal biasa, alah adat tegal muafakat” (jika telah biasa melakukan sesuatu pekerjaan, betapa susah pun pekerjaan tersebut, dapat disempurnakan dengan mudah. Begitulah juga keadaannya dengan adat yang diamalkan, iaitu sesuatu adat itu pasti terhapus jika ahli masyarakat sudah sepakat tidak mahu mengamalkannya).


Perumpamaan ialah peribahasa yang membawa maksud berlapis. Perumpamaan dapat diertikan sebagai susunan kata dalam sesuatu ayat yang

memberikan makna khas dan berlainan daripada apa yang diucapkan atau ditulis, atau yang membandingkan sesuatu benda dengan benda yang lain (Mohd. Tajuddin Hj. Abdul Rahman dan Rahman Shaari, 1997:84). Walaupun kiasannya ditujukan kepada alam sekitar, setiap perkataan di dalam sesuatu perumpamaan itu diumpamakan sikap dan perangai manusia atau corak hidup masyarakat.

Perumpamaan terbahagi kepada dua jenis, iaitu perumpamaan yang menyebut perbandingan dan perumpamaan yang tidak menyebut perbandingan. Perumpamaan yang menyebut perbandingan menggunakan perkataan seolah-olah, ibarat, bak, seperti, laksana, macam, bagai dan umpama. Contohnya, “laksana golok kayu, ditetak tak makan, dijual tak laku” (sesuatu yang tidak mendatangkan sebarang faedah). Perumpamaan yang tidak menyebut perbandingan pula adalah seperti, “tepek air di dulang terpercik ke muka sendiri” (membuka keburukan keluarga sendiri, diri sendiri juga yang mendapat malu).

Lidah pendeta, menurut Za’ba (2002:191), ialah ungkapan yang dipetik daripada buku-buku dan sastera atau daripada percakapan orang yang bijak-bijak sahaja. Misalnya, “rajin dan usaha itu memudahkan pekerjaan yang payah-payah”.

Peribahasa bahasa Cina tergolong dalam cabang bahasa yang dikenali sebagai *shuyu*, yakni ungkapan yang lazim digunakan oleh masyarakat. *Shuyu* terdiri daripada rangkaian perkataan yang tetap, ringkas, pendek dengan susunan yang tertentu dan dipakai dengan erti yang khas, berlainan daripada yang asal (Luo Huayian, 2000:121). *Shuyu* terbahagi kepada simpulan bahasa, peribahasa, kata-kata yang bijak dan menyeronokkan (*quiz-crack*), bidalan, ungkapan biasa, dan lidah pendeta seperti yang tertera pada Rajah 2 yang berikut:



Rajah 2 Penjenisan ungkapan Cina oleh Luo Huayian (2000).

Penjenisan peribahasa bahasa Cina berlainan sedikit daripada peribahasa bahasa Melayu. Peribahasa bahasa Cina kebanyakannya terdiri daripada dua bahagian ayat yang sempurna dan boleh berdiri sendiri; digunakan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan kadang-kadang berfungsi untuk memberikan nasihat serta teguran. Secara umumnya, peribahasa bahasa Cina dibahagikan kepada tujuh jenis mengikut fungsinya. Setiap jenis peribahasa tersebut ada yang boleh dipecahkan kepada bahagian kecil yang berikut:

i. Perihal nasihat atau teguran

a. Perihal harga diri

Contoh: Biar binasa kerana batu jed, jangan hidup kerana genting.

b. Perihal berwawasan dan bermatlamat dalam hidup

Contoh: Sayap penting bagi burung, cita-cita penting bagi manusia.

c. Perihal rajin dan gigih berusaha semasa belajar

Contoh: Bijaksana dan rajin semasa menimba ilmu, tidak berasa malu jika bertanya kepada orang yang lebih rendah kedudukannya daripada kita.

d. Perihal merendah diri, berhati-hati, sederhana, bersih dan amanah dalam tingkah laku

Contoh: Sombong membawa padah, rendah diri membawa faedah.

e. Perihal berjimat cermat semasa mengurus rumah tangga

Contoh: Berjimat cermat ibarat burung layang-layang mengumpul tanah, boros laksana tambak sungai roboh.

ii. Perihal hukum alam

Contoh: Tanam timun dapat timun, tanam kacang dapat kacang.

iii. Perihal pengeluaran

a. Perihal pertanian

Contoh: Asal rajin bercucuk tanam, tanah yang subur ada di mana-mana.

b. Perihal perhutanan

Contoh: Jika ingin menanam pokok yang baik, sediakanlah tunas yang berkualiti terlebih dahulu.

iv. Perihal cuaca

Contoh: Kabus tebal pada waktu pagi, cuaca cerah sepanjang hari.

v. Perihal sumber alam dan sosiobudaya

Contoh: Musim panas sepanjang tahun, sekali hujan menjadi musim luruh.

vi. Perihal pengetahuan semasa

Contoh: Daripada sakit minta dirawat, lebih baik cegah sebelum sakit.

vii. Penghias percakapan dan karangan

Contoh: Harimau tiada di atas bukit, monyet pun mengelar dirinya raja.

Objektif Kajian

Penyelidik berhasrat untuk mencari persamaan makna yang terkandung dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina. Selaras dengan objektif ini, sebanyak 30 peribahasa bahasa Melayu dan 30 peribahasa bahasa Cina diteliti dari sudut persamaan makna, walaupun unsur atau perlambangan dalam kedua-dua peribahasa ada yang berbeza. Di samping itu, penyelidik berminat untuk menerapkan teori dekonstruksi dengan merinci entiti, pertentangan dedua dan hierarki dominan yang wujud, sama ada dalam peribahasa bahasa Melayu, peribahasa bahasa Cina, atau kedua-duanya.

Masyarakat pada hari ini menganggap peribahasa tidak lain daripada sejenis bahasa klise yang sering digunakan dan dihafal oleh golongan tua sebagai bahan pidato dalam upacara adat. Ada pula yang ragu-ragu sama ada makna sesuatu peribahasa itu masih sesuai digunakan sampai sekarang kerana peribahasa sudah lama dan dicipta secara spontan. Penyelidik berpendapat, kajian peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina dalam konteks perbandingan dua peradaban dapat mengilhamkan set minda yang baharu, dan menemukan penemuan yang berguna dalam teori dekonstruksi.

Definisi Operasional

“Peribahasa bahasa Melayu-Peribahasa bahasa Cina” ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu mengikut corak pemikiran serta budaya bangsa Melayu atau bangsa Cina.

“Merungkaikan persamaan makna” bermaksud menghuraikan makna yang sama daripada satu peribahasa bahasa Melayu dan satu peribahasa bahasa Cina.

“Pertentangan dedua” merupakan asas penaakulan teori dekonstruksi, iaitu sepasang kelas benda atau idea yang berlawanan, yang terbentuk daripada cara sesuatu masyarakat menyusun corak pemikiran dan budayanya.


METODOLOGI

Pertentangan Dedua dalam Teori Dekonstruksi

Pertentangan dedua terhasil daripada pemikiran golongan struktural. Pertentangan dedua ialah sepasang kelas benda atau idea yang berlawanan, yang terbentuk daripada cara sesuatu masyarakat menyusun corak pemikiran dan budayanya. Pertentangan dedua yang menurut kebiasaan berasaskan akal budi, iaitu positif lawannya negatif. Sebagai contoh, **mentah** dan **masak**. Banyak pertentangan dedua yang berasaskan akal budi digunakan dengan cara memanfaatkan salah satu daripada kelas benda atau idea dalam pertentangan lalu membentuk hierarki. Sebagai contoh, **putih** dan **hitam**. **Hitam** ialah petanda kegelapan, bahaya, dan kejahatan. **Putih** membentuk hierarki kesucian, kebaikan, dan ketulusan. Contoh lain tentang pertentangan dedua ialah **rasional** dan **emosional**. Istilah **rasional** lebih banyak dihubungkan dengan lelaki, sementara **emosional**, yang dianggap hierarki rendah, dikaitkan dengan perempuan (Jupiter, 2005).

Pertentangan dedua tergolong dalam teori kajian budaya yang dikenali sebagai teori Dekonstruksi. Asas penaakulan teori ini ialah mengenal pasti pertentangan dedua dalam hasil kerja kesusasteraan dan menyedari bahawa entiti yang berlawanan boleh diuraikan untuk menunjukkan hierarki yang dominan (yang diterima menurut kebiasaan), ada kalanya boleh menjadi tidak stabil. Tugas menentukan hierarki yang dominan itu stabil atau tidak stabil memerlukan dua perkara; pertama, perhatikan perkara yang menjadikan sesuatu pemikiran atau teks itu normal atau semula jadi. Kedua, perhatikan di manakah ada dibezakan dua fakta yang dianggap bertentangan di dalam sesuatu teks itu. Jika seseorang pengkaji dapat meneliti dua sudut pandangan fakta yang berbeza di dalam teks kesusasteraan, maka dapatlah pengkaji tersebut menguraikan pertentangan dedua di dalam sesebuah cerita. Sekiranya difikirkan perlu, pengkaji berusaha pula mengurangkan kestabilan hierarki dominan. Apabila pertentangan terurai, apabila dua fakta yang menurut kebiasaan memang bertentangan, dapat dibuktikan ketidak-

benarannya, maka hierarki dominan dianggap tidak stabil, lalu kenyataan atau alasan yang munasabah perlu diajukan oleh pengkaji (Flash, 2005). Langkah dekonstruksi pertentangan dedua adalah seperti yang berikut:



Rajah 3 Langkah dekonstruksi pertentangan dedua.

Demi menjelaskan langkah dekonstruksi pertentangan dedua, penyelidik memberikan contoh kajian yang bertajuk, *Story of An Hour* oleh Kates (2005).

| | | |
|--|---|--|
| Contoh Kajian | : | <i>STORY OF AN HOUR</i> |
| Entiti | > | Manusia |
| Pertentangan Dedua | > | Hidup dan Mati |
| Hierarki Dominan (Struktur Stabil) | > | Isteri sedih mendengar khabar suaminya meninggal dunia (Berita kematian menurut kebiasaan menyebabkan kesedihan) |
| Penguraian | > | Hidup dan Mati |
| Hierarki Dominan (Struktur Tak Stabil) | > | Isteri gembira mendengar khabar suaminya meninggal dunia (Khabar kematian boleh menyebabkan kegembiraan) |

- Kenyataan > Si suami pulang ke rumah dengan selamat
Semak pertentangan dedua Hidup dan Mati.

Kekuatan teori ini terletak pada keupayaannya untuk menambah ketidakstabilan terhadap hierarki dominan. Dalam paparan *Story of An Hour*, penguraian tentang pertentangan dedua **hidup** dan **mati** terbukti dapat menambahkan ketidakstabilan terhadap hierarki dominan kerana pertentangan dedua **hidup** dan **mati** yang dipaparkan tidak menurut kebiasaan. Hakikat bahawa kematian Brently memberikan kehidupan yang baharu kepada Louise menunjukkan bahawa hidup dan mati bukanlah bertentangan dalam hierarki dominan. Oleh sebab pertentangan dedua **hidup** dan **mati** tidak menurut kebiasaan, maka hierarki dominan dikatakan tidak stabil.

Sebagai kesimpulan, teori ini menerangkan hubungan pengetahuan manusia dengan fenomena semula jadi yang berlaku dalam masyarakat. Sistem dikatakan “dedua” jika tercipta daripada hanya dua bahagian. Kelas benda atau idea yang bertentangan mestilah saling eksklusif (hanya untuk seseorang atau golongan yang tertentu). Dengan kata lain, ahli dalam satu kelas mestilah bukan ahli dalam satu kelas yang lain (Faculty, 2005).

Kaedah Kajian

Kaedah terjemahan digunakan oleh penyelidik untuk menterjemahkan peribahasa bahasa Cina ke dalam bahasa Melayu. Sebagai memenuhi tugas ini, penyelidik menggunakan kepakaran Saudari Wong Jinq Chinn. Penyelidik cuba seberapa daya untuk mengekalkan bentuk asal peribahasa bahasa Cina yang terpilih, namun penyelidik berpendapat, nilai estetik peribahasa bahasa Cina hanya dapat dirasakan dalam bentuk asalnya, iaitu dalam tulisan Cina, seperti puisi Cina. Selanjutnya, kaedah perbandingan peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina digunakan untuk meneliti makna yang terkandung dalam setiap peribahasa. Entiti, pertentangan dedua dan hierarki dominan dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina ditentukan dengan menggunakan kaedah yang sama.

PERSEMBAHAN DATA KAJIAN

Persamaan Makna dalam Peribahasa Bahasa Melayu dan Peribahasa Bahasa Cina

Mengkaji makna dalam peribahasa sesuatu bangsa menjadi lebih berfaedah jika dapat dibandingkan dengan peribahasa milik bangsa yang lain.

Sehubungan dengan itu, persamaan makna dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina menampakkan persamaan pandangan hidup dan pemikiran kedua-dua bangsa tersebut. Dapatan ini memberikan pengetahuan yang baharu kepada para pembaca.

Dalam mengemukakan persamaan makna peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina, peribahasa bahasa Melayu diberikan nombor 1a hingga 30a. Peribahasa Cina diberikan nombor 1b hingga 30b. Makna yang dikemukakan tidak sama dengan makna peribahasa yang tersurat mengikut buku kerana yang dipentingkan oleh penyelidik ialah inti pati makna daripada peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina. Yang berikut diperturunkan sebanyak 30 peribahasa bahasa Melayu dan 30 peribahasa bahasa Cina berserta dengan inti pati makna masing-masing.

- 1a. Baik membawa resmi padi, makin berisi makin tunduk.
- 1b. Butir padi berisi bulirnya merunduk ke bawah, butir padi hampa bulirnya mencuat ke atas.

Makna: Tidak sombong; rendah diri.

Kedua-dua peribahasa menunjukkan penggunaan unsur alam yang sama dalam melahirkan pemikiran yang sama. Penerapan unsur padi dalam penciptaan peribahasa 1a dan 1b tidak dilakukan sewenang-wenang, sebaliknya hasil daripada pengamatan serta ketepatan makna yang tersirat. Meskipun bangsa Melayu dan bangsa Cina ialah bangsa yang berlainan; pada zaman dahulu, mereka menjalankan kegiatan ekonomi yang sama, iaitu aktiviti pertanian. Tanaman yang banyak diusahakan ialah padi. Padi ialah sumber makanan yang penting dari dahulu hingga kini. Masyarakat Melayu tradisional sangat menghargai padi sehingga mempercayai padi mempunyai tenaga mistik, unsur ketuhanan dan mempunyai semangat. Padi bukan sahaja dijadikan sebagai makanan utama, bahkan dijadikan juga sebagai wadah ekspresi masyarakat Melayu menyampaikan pengajaran kepada anggota masyarakat agar mencontohi sifat semula jadinya yang melentur (merendah diri) apabila semakin berisi (berilmu). Begitu juga dengan masyarakat Cina. Pengalaman dan pengamatan terhadap sifat padi membolehkan masyarakat Cina memanfaatkan tumbuhan ini, bukan setakat untuk menyara hidup, malah sebagai contoh yang wajar diteladani kerana sifatnya yang tidak meninggi diri jika berisi.

- 2a. Penyus bertelur beribu-ribu, seorang pun tiada tahu; ayam bertelur sebiji, pecah khabar sebuah negeri.

- 2b. Lembu betina melahirkan anak tidak bersuara, ibu ayam bertelur berkokok setengah hari.

Makna: Kesederhanaan.

Dalam kedua-dua peribahasa tersebut, dinyatakan haiwan yang hidup di air dan di darat. Penggunaan unsur ayam terdapat dalam peribahasa 2a dan 2b. Hal ini tidak sukar dimengertikan kerana alamiah masyarakat Melayu dan masyarakat Cina yang berlatarkan budaya pertanian secara tradisional pada zaman dahulu memasukkan penternakan ayam sebagai salah satu aktiviti harian yang biasa. Begitu juga dengan kegiatan memelihara itik, lembu, kerbau, dan kambing. Daripada pemerhatian mereka, cara binatang ternakan melahirkan anak adalah berbeza. Ada yang melahirkan anak dan ada pula yang bertelur. Ada yang melahirkan anak seekor dan ada pula hanya bertelur sebiji; ada juga yang bising semasa bertelur dan ada yang langsung tidak bersuara. Ayam membuat bising ketika hendak bertelur, padahal telurnya hanya sebiji sehari. Dalam masyarakat manusia, kebetulan ada orang yang menyamai sifat ayam, iaitu suka mengheboh-hebohkan kebolehannya walaupun hasilnya tidak seberapa. Ada juga yang bersikap sederhana dalam tingkah lakunya. Dengan persamaan sifat binatang ternakan inilah, maka kedua-dua bangsa Melayu dan bangsa Cina mengaitkan peribahasa 2a dan 2b dengan perwatakan anggota masyarakat masing-masing. Masyarakat Melayu menggunakan unsur penyu yang bertelur banyak, sementara masyarakat Cina mengambil unsur lembu. Setiap haiwan yang dijadikan unsur peribahasa mempunyai pengertian yang tersendiri di sisi sesuatu masyarakat. Lembu dianggap sebagai binatang yang kudus oleh masyarakat Cina pada zaman dahulu (Kuan Meifen, 2000). Lembu melambangkan kerajinan, kekayaan, kesabaran, kesetiaan, keteraturan dan kesederhanaan (Ong Heantatt, 1993). Penyu pula sama seperti kura-kura, tergolong dalam kumpulan empat jenis binatang yang suci, yang terdiri daripada naga, burung *phoenix*, unikorn dan kura-kura atau penyu. Kura-kura atau penyu menandakan umur yang panjang kerana binatang ini mempunyai jangka hayat yang panjang sehingga mencecah usia sejuta tahun (Kuan Meifen, 2000). Dalam masyarakat Melayu, unsur penyu diambil untuk melampiaskan makna tersirat berdasarkan sifat semula jadi penyu yang pendiam dan sederhana.

- 3a. Tanam lalang tak akan tumbuh padi.
3b. Tanam timun dapat timun, tanam kacang dapat kacang.

Makna: Buat baik dibalas baik, buat jahat dibalas jahat.

Dalam konteks masyarakat yang mengamalkan pertanian sara diri, kegiatan menanam tumbuh-tumbuhan adalah salah satu pekerjaan yang biasa dilakukan pada setiap hari. Lazimnya, manusia akan memperoleh hasil daripada tanaman yang diusahakannya. Peribahasa 3a dan 3b sama dari segi penggunaan kata kerja *tanam* yang dikiaskan dengan perbuatan manusia. Manusia akan menerima balasan akibat daripada perbuatan mereka, seperti juga kaum petani menuai hasil daripada usaha yang telah disemai. Perbezaan tanaman dalam kedua-dua peribahasa tersebut mencerminkan kehidupan masyarakat petani yang rapat dengan alam sekitarnya. Setiap unsur yang dipilih sudah tentu mempunyai peranan dan makna yang tertentu, yang disetujui dan dikongsi oleh setiap anggota masyarakat. Lalang dan padi mempunyai makna yang tertentu di sisi masyarakat petani Melayu, yakni melambangkan kejahatan dan kebaikan. Kaum Cina pula gemar menanam timun dan kacang. Sifat timun yang menjalar dan banyak berbuah sering dikaitkan dengan ciri yang baik, misalnya keabadian dan zuriat yang banyak. Kacang pula sebaliknya kerana hasilnya diperoleh sekali sahaja. Meskipun ada unsur yang berbeza, penghasilan peribahasa-peribahasa tersebut tetap menampakkan struktur pemikiran yang sama bagi kedua-dua bangsa tersebut.

- 4a. Adakah daripada telaga yang keruh akan mengalir air yang jernih?
- 4b. Mulut anjing tidak akan tumbuh gading.

Makna: Tutar kata dan perangai yang baik tidak akan terbit daripada orang yang rendah budi pekertinya.

Penggunaan unsur *telaga yang keruh* dan *mulut anjing* mempunyai beberapa persamaan. Pertama, kedua-dua tempat ini tidak bersih. Telaga yang keruh ialah telaga yang tidak jernih airnya; airnya berkeladak dan kelihatan kotor. Begitu juga dengan mulut anjing yang sangat menjijikkan. Selain itu, kedua-dua unsur ini juga berfungsi sebagai punca yang mengeluarkan sesuatu. Telaga sebagai punca yang menghasilkan air manakala mulut anjing ialah tempat atau punca tumbuhnya gigi. Kesejajaran pemikiran dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina ini menunjukkan bahawa bangsa Melayu dan bangsa Cina ialah pemerhati yang teliti dan bijak. Mereka mempunyai cara yang tersendiri untuk mengungkap fenomena alam yang bersifat sejagat.

- 5a. Kasih ibu membawa ke syurga.
- 5b. Dunia bermula daripada buaian ibu.

Makna: Kasih ibu memberi kebahagiaan kepada anaknya.

Jasa dan pengorbanan seorang ibu sering disebut-sebut orang dari dahulu hingga sekarang. Kasih ibu disanjung sehingga diraikan Hari Ibu untuk memperingati dan mengenang jasa ibu. Tanpa insan yang bergelar ibu, tidak lahir insan yang baharu ke dalam dunia. Seterusnya, peranan ibu penting dalam menentukan masa depan dan kebahagiaan hidup anaknya. Hal ini dipersetujui oleh masyarakat Melayu dan masyarakat Cina sehingga mereka mencipta peribahasa yang sama bagi menggambarkan kepentingan wanita yang bergelar ibu di sisi masyarakat. Penggunaan kata syurga dalam peribahasa bahasa Melayu adalah kerana pengaruh bahasa Sanskrit. Masyarakat Cina pula menggunakan kata buaian, memandangkan buaian mempunyai hubungan yang rapat dengan ibu. Biasanya, orang yang mengayun buaian tidak lain daripada si ibu, bahkan masyarakat Melayu sendiri memiliki ungkapan yang berbunyi, *tangan yang mengayun buaian boleh menggoncang dunia*, yang secara implisit menjelaskan peranan ibu dalam mendidik anaknya sehingga menjadi insan yang berguna kepada bangsa dan negara. Lambang kasih sayang ini dianggap sejagat sifatnya kerana turut muncul dalam kebanyakan budaya bangsa di dunia.

- 6a. Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian.
- 6b. Pahit dahulu manis kemudian tidak boleh dikatakan pahit, manis dahulu pahit kemudian tidak boleh dikatakan manis.

Makna: Biar susah dahulu senang kemudian.

Pengalaman hidup berhampiran dengan sungai sebagaimana yang terpancar melalui peribahasa bahasa Melayu ini telah memperkaya khazanah bahasa Melayu apabila masyarakat Melayu lama mengiaskan kesenangan dan kesusahan hidup dengan pengalaman berakit dan berenang di sungai. Keadaan ini berbeza sekali dengan peribahasa bahasa Cina yang cuba menyampaikan maksud yang sama secara harfiah. Didapati bahawa masyarakat Cina tidak menggunakan sebarang kias ibarat sewaktu menghasilkan peribahasa ini. Manis pahit kehidupan dinyatakan secara terang tanpa berselindung. Biar pun begitu, pada dasarnya, kedua-dua bangsa ini sependapat bahawa erti kesenangan yang sebenar ialah kesenangan yang dikecapi setelah mengharungi kepahitan dan rintangan.

- 7a. Gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar, akhirnya mati kekebang.

- 7b. Burung murai meniru ayam jantan berak besar, sampai ginjal dan hatinya tersembur keluar dari perut.

Makna: Orang yang tidak sedar diri, hendak meniru-niru perbuatan orang besar atau orang kaya, tetapi akhirnya dirinyalah yang binasa.

Terdapat unsur perbandingan dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina. Unsur yang dipilih untuk tujuan perbandingan melibatkan keadaan yang bertentangan pula. Peribahasa bahasa Melayu menggunakan unsur gajah dan kancil sebagai perbandingan antara orang yang kuat dengan orang yang lemah. Peribahasa bahasa Cina memilih burung murai dan ayam jantan sebagai perbandingan. Kedua-duanya lahir daripada pemikiran yang sama, biarpun berlainan dari segi penggunaan unsur binatang. Pemilihan unsur tertentu dalam penghasilan sesuatu peribahasa banyak dipengaruhi oleh kehidupan masyarakat dahulu kala yang berdampingan dengan alam sekeliling mereka yang terbentang luas. Gajah dan kancil bukanlah binatang yang asing bagi masyarakat Melayu zaman silam yang turut menjalankan aktiviti berburu untuk mengisi masa lapang atau sebagai mata pencarian. Sejak dahulu, masyarakat Melayu kaya dengan pelbagai cerita binatang. Antara yang terkenal ialah Sang Kancil. Cerita Sang Kancil yang bijak bestari tersebar luas, sehingga dikaitkan dengan sifat cerdik dan licik yang ada pada manusia, umpamanya *seperti akal kancil*. Sang Kancil dalam cerita masyarakat Melayu lebih dikenali dengan sifat cerdik dan licik dalam tipu helah bagi mengatasi masalah atau melepaskan diri. Kancil dalam masyarakat Melayu membawa dua makna yang berbeza: pertama, sebagai watak cerdik yang dipuji, dan kedua, sebagai watak penipu, licik yang tidak digemari (Zalila Sharif dan Jamilah Haji Ahmad, 1993). Dalam *Hikayat Raja-raja Pasai*, ada dikisahkan anak raja yang ditemui di atas seekor gajah sakti. Gajah dalam cerita ini ialah lambang kebesaran dan kemuliaan apabila keturunan raja dikaitkan dengan binatang yang dianggap sakti. Imej binatang yang sakti mencerminkan perkaitan pemikiran masyarakat dengan unsur animisme yang melatari kehidupan sebelum muncul kepercayaan lain. Agama Hindu dan Buddha yang datang kemudian juga mengutamakan binatang tertentu, seperti naga dan geroda. Burung murai dan ayam jantan pula mempunyai makna yang tersendiri bagi masyarakat Cina yang dikaitkan dengan sifat tabii haiwan tersebut dan peranannya dalam kehidupan mereka. Haiwan ini dijadikan lambang semasa menyampaikan sesuatu maksud secara tersirat. Ayam jantan ialah lambang kemegahan kerana sifatnya yang kelihatan gagah dan peranannya dalam

kebanyakan upacara keagamaan masyarakat Cina. Hal ini berlawanan dengan kedudukan burung murai yang rendah status sehingga dikaitkan dengan orang yang lemah dan tidak sedar diri.

- 8a. Seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang, batang mati, hinggap ke ranting, ranting patah.
- 8b. Orang yang mendekati pewarna merah akan menjadi merah, orang yang menghampiri dakwat akan menjadi hitam.

Makna: Kawan yang baik mempengaruhi kita melakukan perkara yang baik, kawan yang jahat membawa pengaruh yang tidak sihat.

Masyarakat Melayu dan masyarakat Cina pada zaman dahulu ialah pemerhati yang teliti dan peka terhadap alam sekeliling. Dalam peribahasa 8a dan 8b, terselit pemikiran yang tinggi. Sifat semula jadi tumbuhan dedalu yang suka hidup menumpang di pokok lain akhirnya menjahanamkan pokok yang ditumpanginya. Begitu juga dengan pewarna merah dan dakwat yang meninggalkan kesan warna yang sukar ditanggalkan. Kelainan unsur yang digunakan dalam peribahasa 8a dan 8b dipengaruhi oleh perbezaan budaya yang diamalkan oleh dua bangsa tersebut. Alam flora rapat dengan pekerjaan masyarakat Melayu sebagai petani. Oleh itu, tumbuh-tumbuhan banyak memberikan ilham kepada mereka untuk menghasilkan peribahasa. Masyarakat Cina terkenal dengan lukisan dan kaligrafi Cina yang unik. Secara tidak langsung, mereka menerapkan unsur seperti dakwat dan pewarna dalam peribahasa mereka.

- 9a. Seperti seberkas ranting.
- 9b. Sebatang penyepit mudah dipatahkan, seberkas penyepit sukar dibengkokkan.

Makna: Muafakat menjadikan kita kuat.

Ranting berasal daripada pokok kayu. Penyepit yang merupakan peralatan makan masyarakat Cina diperbuat daripada buluh atau kayu. Seberkas ranting dan seberkas penyepit sukar dibengkokkan, apatah lagi dipatahkan. Oleh itu, pemikiran yang mendasari penciptaan kedua-dua peribahasa itu adalah sama, baik pengajaran yang ingin disampaikan mahupun pemilihan unsur dalam penciptaannya. Selain itu, nasihat yang tersirat dalam peribahasa 9a dan 9b adalah sama, iaitu ibu bapa mencari ikhtiar untuk menyedarkan anak-anaknya tentang kepentingan hidup bermuafakat. Budaya menggunakan penyepit semasa makan dalam

masyarakat Cina membolehkan unsur tersebut diterapkan dalam peribahasa. Masyarakat Melayu makan dengan menggunakan tangan. Oleh itu, perkataan *penyepit* yang dikaitkan dengan makan tidak timbul dalam bahasa Melayu. Mereka cenderung menggunakan *ranting* untuk menyampaikan maksud yang sama memandangkan hidup mereka yang berhampiran dengan hutan dan ranting sering digunakan sebagai kayu api.

10a. Bermalam di bawah nyiur pinang orang, kata orang diturut.

10b. Sampai di tokong orang, peraturan orang dipatuhi.

Makna: Pandai menyesuaikan diri dan menjaga budi pekerti semasa berada di tempat orang.

Adab masyarakat pada zaman lampau sering terpancar melalui peribahasa yang diwarisi secara turun-temurun. Pancaran adab yang sama berasaskan penggunaan unsur yang berlainan dalam penghasilan sesuatu peribahasa oleh dua bangsa yang berbeza sedikit sebanyak dapat membantu kita memahami cara hidup masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Pada masa itu, manusia mempunyai hubungan yang rapat dengan alam sekitarnya sehingga segala unsur alam dimanfaatkan oleh manusia untuk mencapai tujuan tertentu. Penggunaan unsur nyiur (kelapa), memaparkan kehidupan masyarakat Melayu yang berdekatan dengan pantai, manakala pinang ialah bahan yang penting dalam beberapa adat istiadat orang Melayu. Unsur tokong dalam peribahasa Cina menampakkan kepercayaan keagamaan masyarakat Cina dahulu yang kuat berpegang pada ajaran Tao. Pengaruh Taoisme begitu kuat pada masa dahulu sehinggakan menguasai sebahagian besar daripada budaya dan minda masyarakat Cina sebelum tersebarnya pengaruh agama Buddha.

11a. Siapa menjala siapa terjun, siapa berhutang siapa membayar, siapa salah siapa bertimbang, siapa membunuh siapa kena bunuh.

11b. Yang membunuh dibunuh, yang berhutang membayar hutang.

Makna: Manusia bertanggungjawab atas setiap perbuatan yang dilakukannya.

Sebagai manusia yang hidup dalam satu masyarakat, setiap orang mengharapkan kehidupan yang aman damai. Oleh itu, peraturan perlu ada demi memelihara kerukunan hidup masyarakat. Pada zaman dahulu, sesetengah peribahasa dicipta untuk memenuhi tujuan tersebut. Untuk menjaga kerukunan hidup masyarakat, kaum Melayu dan kaum Cina

bersetuju bahawa setiap anggota masyarakat perlu bertanggungjawab atas setiap perbuatan masing-masing. Yang membunuh harus dihukum bunuh, yang berhutang harus melangsaikan hutangnya. Peribahasa ini berfungsi sebagai undang-undang atau peraturan yang perlu dipatuhi untuk mengelakkan huru-hara dalam masyarakat. Demikianlah persamaan pemikiran yang dapat dicari dalam peribahasa 11a dan 11b.

- 12a. Buah macang dimakan kelarah, di luar baik, busuk di dalam.
- 12b. Musang menyamar sebagai Dewi Kuanyin, akhirnya tetap siluman musang.

Makna: Perempuan yang sudah rosak, hanya kelihatan baik di luar.

Buah macang dan musang berfungsi sebagai lambang yang membawa makna tertentu dalam masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Buah macang dan musang mendukung makna yang sama walaupun kedua-dua unsur itu berlainan. Buah macang melambangkan perempuan yang rosak dalam masyarakat Melayu. Musang bagi masyarakat Cina ialah tanda perempuan yang tidak bermoral. Cerita rakyat tentang penjelmaan musang sebagai perempuan jelita yang menggoda lelaki banyak tersebar dalam masyarakat Cina, misalnya cerita-cerita yang dipaparkan dalam karya agung Cina *Liao Jai* yang telah diterjemahkan sebahagiannya ke dalam bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Watak musang begitu terkenal dalam masyarakat Cina sehingga turut mempengaruhi penciptaan peribahasa Cina itu sendiri. Sungguhpun musang juga tidak digemari oleh orang Melayu kerana sifatnya yang suka mencuri ayam, unsur musang tidak digunakan untuk menyatakan maksud yang sama. Bagi orang Melayu, sifat buah macang lebih menepati maksud yang hendak disampaikan berbanding dengan unsur musang.

- 13a. Bagaimana tidak kumbang jinak terbang beredar, jika tidak kerana bunga kembang di taman.
- 13b. Bunga kembang rama-rama memenuhi dahan.

Makna: Rumah orang yang mempunyai anak gadis biasanya akan dikerumuni jejaka.

Bunga melambangkan wanita. Wanita yang cantik ibarat bunga yang berkembang. Bunga juga digunakan sebagai lambang makna cinta, contohnya mawar merah sebagai lambang percintaan. Makna daripada lambang ini diterima umum dan dapat difahami oleh kebanyakan bangsa

di dunia. Bunga sebagai satu lambang yang bersifat sejagat terdapat dalam budaya orang Melayu dan orang Cina. Cuma dari segi pemilihan objek yang menjadi padanan kepada bunga, kedua-dua bangsa mempunyai cara yang tersendiri, yang secara tidak langsung mencerminkan budaya bangsa itu sendiri. Dalam hal ini, serangga yang kerap muncul di tempat yang berbunga dikiaskan dengan kaum lelaki yang meminati seseorang wanita. Kumbang melambangkan kaum lelaki dalam budaya Melayu sering kita dengari seperti dalam ungkapan yang berbunyi, “bunga bukan sekuntum, kumbang bukan seekor”. Bagi masyarakat Cina, rama-rama ialah pasangan yang sesuai untuk bunga kerana imejnya yang cantik dan amat menyukai bunga. Kedua-dua unsur tersebut sering dikaitkan dengan cinta yang sejati dan pasangan suami isteri yang hidup bahagia sebagaimana yang diperikan dalam cerita *Liang Sanpo Yu Zhu Yingdai*, yang terkenal dalam masyarakat Cina.

- 14a. Adat hidup tolong-menolong, adat mati jenguk-menjenguk.
- 14b. Manusia bergantung pada manusia untuk hidup, ikan bergantung pada air untuk hidup.

Makna: Saling membantu dalam kehidupan.

Penggunaan kata hidup dan mati bagi menggambarkan dua keadaan yang bertentangan memberikan kesan yang baik dalam menyedarkan masyarakat. Peribahasa bahasa Cina membandingkan hidup manusia dengan kehidupan ikan yang bergantung pada air. Kehidupan manusia dikiaskan seperti ikan, bergantung antara satu sama lain dalam menjalani kehidupan sehari-hari sewaktu masih hidup mahupun ketika berlaku kematian. Manusia yang bersikap kera sumbang akan ditimpa kesusahan dan dipulaukan oleh masyarakat. Kehidupan yang dijalani setiap hari banyak memberi pengalaman kepada masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Daripada pengalaman yang sama inilah, maka wujud kesejajaran corak pemikiran dalam peribahasa 14a dan 14b.

- 15a. Berapa tinggi terbang bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau juga.
- 15b. Air mengalir beribu-ribu batu akhirnya kembali ke laut juga.

Makna: Orang yang jauh merantau, akhirnya kembali ke kampung halaman.

Makna yang cuba disampaikan melalui susunan kata yang indah ini bukan setakat gambaran alam, bahkan satu keadaan yang dapat dikaitkan

dengan tindak-tanduk atau perwatakan manusia. Dua gambaran alam yang berbeza tetap melahirkan maksud yang sama daripada dua masyarakat yang berlainan. Persamaan antara bangau yang terbang tinggi dan air yang mengalir beribu-ribu batu, akhirnya kembali ke suatu tempat ialah gambaran seperti biasa. Bangau akan hinggap di belakang kerbau, air kembali ke lautan. Lebih daripada itu, selain membanting tulang di sawah dan ladang, pada masa yang sama masyarakat Melayu lama mengamati kehidupan lain di sekitar tempat mereka bekerja. Daripada pengamatan yang tajam, terciptalah peribahasa yang bertujuan untuk menegur, mengawal, memuji, menempelak dan menyedarkan anggota masyarakat. Negeri China yang terkenal dengan sungai-sungainya yang besar dan panjang memberikan ilham kepada mereka untuk menghasilkan peribahasa ini.

- 16a. Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.
 16b. Setiap orang menyapu salji di depan pintu, tidak pedulikan salji di atas atap genting rumah orang.

Makna: Tiada muafakat dalam hidup, hanya mementingkan diri sendiri.

Unsur salji tidak ditemukan dalam peribahasa bahasa Melayu tetapi kerap muncul dalam peribahasa bahasa Cina. Hal ini kerana masyarakat Melayu hidup di kawasan yang beriklim khatulistiwa. Keadaan cuaca yang panas dan hujan sepanjang tahun membolehkan belukar hidup dengan subur. Masyarakat Melayu lama sering bergotong-royong untuk membersihkan belukar di tempat kediaman mereka pada waktu lapang. Tumbuhan yang hidup di kawasan belukar turut dijadikan unsur penghasilan peribahasa. Keadaan ini sangat berlainan dengan masyarakat Cina di negeri China. Salji turun pada musim sejuk. Mereka terpaksa membersihkan salji yang terkumpul di depan pintu dan di atap rumah. Aktiviti yang dilakukan ini akhirnya dapat dikaitkan pula dengan sikap manusia yang mementingkan diri dan tidak mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh orang lain.

- 17a. Anjing menyalak bukit, bukit takkan runtuh.
 17b. Emas tulen tidak takut kepada api.

Makna: Orang yang baik walau dicela oleh orang jahat tidak akan terjejas kebaikannya.

Anjing ialah binatang yang suka menyalak. Dalam situasi yang tertentu, kita tidak memahami tujuan sebenar anjing menyalak. Keadaan ini pernah dialami oleh masyarakat Melayu yang mendiami kawasan desa yang

berbukit-bukau. Anjing-anjing yang berkeliaran di kampung selalunya menyalak tanpa sebarang sebab. Perbuatan menyalak bukit itu seolah-olah sedikit pun tidak menjejaskan keadaan bukit. Emas digunakan sebagai analogi dalam peribahasa bahasa Cina yang dipercayai ada kaitan dengan budaya masyarakat Cina yang menggunakan emas sebagai mata wang dan barang kemas untuk golongan wanita. Selain itu, emas juga melambangkan kekayaan yang melimpah-ruah. Oleh sebab minat terhadap emas, lahirlah golongan pandai emas dalam masyarakat Cina. Orang Kantonis terkenal dengan perniagaan barangan kemas yang diperbuat daripada emas. Mereka arif membezakan ketulenan emas berdasarkan pengalaman mereka meleburkan emas.

18a. Habis akal baru tawakal.

18b. Habis usaha berserah kepada takdir.

Makna: Manusia perlu berusaha bersungguh-sungguh sebelum meminta pertolongan Tuhan.

Kedua-dua peribahasa mencerminkan agama yang dianuti oleh masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Kaum Melayu dan kaum Cina mempercayai kewujudan Tuhan walaupun masing-masing menganuti agama yang berlainan. Disebabkan agama mereka berbeza, maka konsep ketuhanan turut berbeza. Kemasukan agama Islam ke rantau ini pada abad ke-14 telah memperkenalkan konsep Tuhan Yang Maha Esa kepada masyarakat Melayu yang sebelum ini kuat berpegang pada anutan animisme. Konsep Tuhan bagi masyarakat Cina yang dibawa oleh ajaran Taoisme pula bersifat kepelbagaian dan wujud dalam pelbagai rupa bentuk. Kepercayaan terhadap kewujudan Tuhan menunjukkan bahawa manusia sebagai makhluk ciptaan Tuhan sentiasa terdedah kepada ancaman yang mengganggu ketenteraman hidup mereka. Manusia memerlukan suatu kuasa yang lebih besar dan lebih kuat daripada mereka sebagai tempat untuk memohon perlindungan dan pertolongan.

19a. Seperti hendak meluruskan ekor beruk.

19b. Anjing tidak dapat mengubah tabiatnya yang memakan tahi.

Makna: Manusia yang degil dan tidak dapat diubah perangainya yang buruk.

Aktiviti seperti memburu dan memungut hasil hutan memberi peluang kepada orang Melayu untuk memahami kehidupan dan tabiat mergastua di dalam hutan secara lebih dekat. Pada tanggapan orang Melayu, keadaan ekor

beruk yang tidak dapat diluruskan boleh disamakan dengan kedegilan manusia itu sendiri. Hal ini berbeza dengan orang Cina yang lebih cenderung mengaitkan sikap keras kepala manusia dengan tabiat buruk anjing. Sebaliknya, beruk bagi orang Cina ialah lambang kelincuhan dan kenakalan tetapi boleh berubah menjadi baik jika dididik dengan sempurna. Umpamanya, watak siluman kera, Sun Wu Kong dalam *Xi You Ji* yang mulanya bersikap liar dan sangat nakal telah bertaubat apabila diasuh dan dijinakkan oleh tok gurunya, Xuan Zhuang. Dalam peribahasa bahasa Cina, terdapat kecenderungan masyarakat Cina mengaitkan sifat negatif anjing dengan perwatakan ahli masyarakat, biarpun konsep anjing turut membawa makna yang positif, seperti nama putaran tahun masyarakat Cina yang mempunyai kepelbagaian makna (Mila Rohana, 1982). Masyarakat Cina menganggap kelahiran manusia dalam tahun anjing mempunyai sifat baik anjing seperti berdikari, dedikasi, yakin diri, jujur dan setia. Jika diteliti dari sudut yang lain, dalam doktrin agama Buddha, ada disebut bahawa seseorang itu boleh bertukar menjadi anjing atau babi jika banyak melakukan dosa sewaktu hidupnya. Dengan itu, konsep anjing bagi masyarakat Cina tidak mendukung makna yang mutlak. Namun yang pasti, dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina, anjing ialah lambang sejagat tentang martabat hina seorang manusia.

20a. Belakang parang kalau diasah nescaya tajam juga.

20b. Rod besi kalau diasah boleh menjadi jarum.

Makna: Orang yang bodoh pun, kalau belajar bersungguh-sungguh nescaya akan menjadi pandai.

Secara umum, peranan parang dan rod besi dalam masyarakat Melayu dan masyarakat Cina adalah sama. Kedua-dua alat ini berfungsi sebagai senjata bagi masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Masyarakat Melayu menggunakan parang untuk melindungi diri mereka daripada serangan musuh. Rod besi pula ialah sejenis senjata yang digunakan dalam seni mempertahankan diri masyarakat Cina. Dalam *Xi You Ji*, rod besi kepunyaan siluman kera, Sun Wu Kong mempunyai kuasa sakti.

21a. Susu dibalas dengan tuba.

21b. Orang memberi ban, anda membalas dengan buku lima.

Makna: Kebaikan dibalas dengan kejahatan.

Susu ialah minuman yang berkhasiat dan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu, terutamanya bagi bayi yang baru lahir. Tuba pula ialah

racun yang berguna kepada pengail ikan yang mencari nafkah di sungai. Kedua-dua benda ini mendatangkan manfaat kepada orang Melayu. Yang menjadi pembeza ialah susu membantu tumbesaran anak-anak, manakala tuba memudaratkan sekiranya terminum oleh manusia. Oleh itu, susu dan tuba digunakan secara perbandingan dalam menyampaikan makna yang bertentangan. Sementara itu, ban ialah makanan yang paling murah bagi penduduk yang miskin di China. Mereka selalunya mengisi perut dengan makanan yang murah. Buku lima pula seakan-akan bentuk ban tadi. Apabila seseorang itu dikatakan diberi buku lima, bermaksud seseorang itu ditumbuk. Seperti peribahasa bahasa Melayu, peribahasa bahasa Cina ini juga menampakkan penggunaan unsur yang bertentangan bagi menyampaikan dua keadaan yang berkontras.

- 22a. Bertelagah antan di lesung, ayam juga yang kenyang.
- 22b. Bangau dan kerang bertelagah, nelayan juga yang untung.

Makna: Perselisihan antara dua saudara atau dua pihak yang menguntungkan pihak ketiga.

Satu situasi yang sama berlaku dalam kedua-dua peribahasa ini, iaitu terdapat dua pihak yang berselisih faham dan enggan bertolak ansur antara satu sama lain, akhirnya menguntungkan pihak yang ketiga. Penggunaan unsur antan, lesung dan ayam dalam peribahasa bahasa Melayu dengan mudah sahaja dapat dimengertikan kerana kehidupan masyarakat Melayu sebagai petani yang tidak dapat dipisahkan dengan aktiviti menumbuk padi, dan ayam pula suka memakan padi atau beras. Unsur bangau, kerang dan nelayan dalam peribahasa bahasa Cina pula menunjukkan kehidupan golongan nelayan Cina yang menjalankan kegiatan memungut kerang sebagai salah satu aktiviti sampingan mereka.

- 23a. Biar putih tulang, jangan putih mata.
- 23b. Biar binasa kerana batu jed, jangan hidup kerana genting.

Makna: Lebih baik mati daripada menanggung malu.

Tulang dan mata ialah dua unsur yang dimiliki oleh manusia. Penggunaan unsur anggota badan dalam penciptaan peribahasa merupakan perkara yang lumrah. Sebagai perbandingan, peribahasa bahasa Cina yang disajikan lebih banyak menggunakan objek alam untuk menyampaikan maksud tertentu, seperti batu jed dan atap genting.

- 24a. Di mana tidak ada helang, kata belalang, akulah helang.

24b. Harimau tiada di atas bukit, monyet menggelar dirinya raja.

Makna: Orang yang menganggap dirinya paling pandai di tempat tiada orang yang lebih pandai daripadanya.

Penggunaan kata simbolik sangat ketara dalam kedua-dua peribahasa ini. Helang bagi masyarakat Melayu melambangkan kekuatan dan kekuasaan manakala belalang membawa maksud yang sebaliknya. Bagi masyarakat Cina, erti kekuatan dan kekuasaan itu ditandai oleh harimau. Monyet pula mendukung maksud yang berlawanan. Seterusnya, kedua-dua haiwan ini diberi sifat manusia, iaitu pandai berkata-kata. Demikianlah keserasian yang dapat dikesan dalam kedua-dua peribahasa ini.

25a. Mendukung biawak hidup.

25b. Menatang landak di tangan.

Makna: Melakukan sesuatu yang menyusahkan diri sendiri.

Biawak hidup dan landak mempunyai sifat yang sama, iaitu binatang yang melukakan orang yang menghampirinya. Penggunaan unsur biawak hidup dikaitkan dengan sistem kepercayaan masyarakat Melayu lama yang menganggap biawak sebagai haiwan yang sial. Landak pula tidak dikaitkan dengan sebarang kepercayaan dalam masyarakat Cina. Penciptaan peribahasa ini hanyalah berdasarkan pemerhatian terhadap ciri fizikal landak yang berduri dan melukakan orang yang cuba memegangnya.

26a. Umpama sirih; menjalar dahulu kemudian melilit, barulah memanjat puncak junjung.

26b. Membelah kayu api tidak mengikut ira, orang yang membelah kayu keletihan.

Makna: Tiap-tiap pekerjaan hendaklah dikerjakan mengikut aturannya.

Sirih ialah tumbuhan yang penting dalam beberapa adat istiadat orang Melayu. Sirih digunakan secara meluas dalam adat istiadat perkahwinan, menempah bidan, melenggang perut, mendirikan rumah dan membuka panggung. Dalam kesemua istiadat ini, terdapat peraturan yang perlu dipatuhi. Menyedari kepentingannya dalam kehidupan, sirih banyak ditanam di halaman rumah untuk memenuhi tujuan adat istiadat. Penggunaan unsur sirih dalam peribahasa bahasa Melayu juga berkait rapat dengan amalan hidup bangsa tersebut yang meletakkan sirih sebagai satu lambang yang

mendukung makna tertentu. Peribahasa bahasa Cina 26b mencerminkan kehidupan masyarakat Cina zaman dahulu yang bergantung pada kayu api untuk mendapatkan sumber tenaga. Kerja mencari kayu api di hutan dan menyediakan kayu api yang telah siap dibelah untuk kegunaan di dapur merupakan amalan sehari-hari mereka yang belum dapat menikmati kemudahan bekalan elektrik seperti pada masa ini. Tanpa disedari, pengalaman menanam sirih dan membelah kayu api yang telah digarapkan dalam peribahasa tetap berlandaskan corak pemikiran yang sama. Melalui peribahasa ini juga terpancar kehidupan orang Melayu dan orang Cina yang mementingkan peraturan semasa menjalankan setiap pekerjaan.

27a. Bapa borek anak rintik.

27b. Bagaimana bapa begitulah anak lelakinya.

Makna: Kalaulah orang yang lebih tua menunjukkan teladan yang buruk, orang muda akan berperangai lebih teruk lagi.

Bapa dan anak bukan sahaja mempunyai ikatan kekeluargaan malah anak juga memiliki ciri yang diwarisi daripada bapanya. Dari dahulu lagi bangsa Melayu dan bangsa Cina sudah maklum akan hal ini. Oleh itu, lahirlah peribahasa yang menampakkan hubungan genetik antara bapa dengan anak. Penggunaan kata bapa dan anak dalam peribahasa bersifat sejagat kerana dalam budaya Barat juga ditemui peribahasa bahasa Inggeris yang sama, yang berbunyi *like father like son*. Ternyata bahawa pewarisan sifat bapa kepada anaknya diterima oleh masyarakat umum.

28a. Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.

28b. Jika tidak melalui musim sejuk, manakan dapat haruman bunga plum.

Makna: Rajin berusaha untuk mencapai kejayaan.

Peribahasa Melayu ini memberikan satu gambaran tentang kepayahan kaum Melayu untuk mendapatkan sagu daripada ruyung yang keras. Penggunaan kata musim sejuk dan bunga plum dalam peribahasa bahasa Cina pula memaparkan panorama yang indah, dengan berkembangnya bunga-bunga plum yang cantik, hanya dapat dinikmati selepas berakhirnya musim sejuk. Pengalaman hidup di negara yang bermusim sejuk menyebabkan kaum Cina perlu bersiap sedia setiap tahun untuk menghadapi ancaman salji besar. Mereka perlu menyediakan baju sejuk dan bekalan makanan yang cukup untuk keluarga mereka. Pada tanggapan masyarakat

Cina, tidak ada kesusahan hidup yang sepayah mengharungi musim sejuk.

29a. Punggur rebah, belatuk menumpang mati.

29b. Pokok rebah, beruk lari bertempiran.

Makna: Jika orang yang menjadi pelindung atau penaung jatuh, anak buahnya pun merasai akibatnya.

Kedua-dua peribahasa tersebut memberikan satu gambaran kehidupan mergastua. Persamaan kata yang dapat dikesan ialah punggur atau pokok rebah. Punggur atau pokok melambangkan tempat untuk berlindung. Bagi masyarakat Melayu, punggur ialah tempat belatuk mendapatkan perlindungan manakala dalam pemerhatian kaum Cina, beruk selalunya mendiami pokok besar kerana beruk gemar bergayut dari sebatang pokok ke sebatang pokok yang lain.

30a. Yang enggang itu sama enggang juga dan yang pipit itu sama pipit juga.

30b. Naga sama naga, burung *phoenix* sama burung *phoenix*, tekukur sama tekukur, gagak sama gagak.

Makna: Bersahabat atau berkahwin elok dengan yang sama pangkat atau kedudukan.

Persamaan yang dapat dikesan dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina ini ialah penggunaan unsur burung sebagai perbandingan. Dalam hal ini, jenis burung yang digunakan berbeza kerana setiap jenis unggas yang cuba ditampilkan dalam peribahasa mempunyai erti yang khusus bagi masyarakat yang melahirkan peribahasa tersebut. Satu hal yang pasti ialah pemilihan jenis burung yang berdasarkan ciri-ciri yang ada pada burung tersebut. Burung yang cantik biasanya melambangkan golongan yang berkedudukan atau berpangkat manakala burung yang kurang daya tarikannya pula mewakili golongan yang miskin atau rendah taraf sosialnya. Burung enggang dan burung *phoenix* dikatakan memiliki kecantikan yang tiada tolok bandingnya sehingga disenangi oleh masyarakat pendukungnya. Burung pipit, burung tekukur dan burung gagak pula dikategorikan dalam kumpulan yang sama, yakni melambangkan golongan yang rendah status sosialnya.

Masyarakat Cina lama menganggap naga dan *phoenix* yang muncul dalam kebanyakan cerita mitos sebagai sesuatu yang benar-benar berlaku dan bersifat kudus. Pengaruh naga dan burung *phoenix* begitu kuat dalam kehidupan

masyarakat Cina zaman silam sehingga kedua-dua binatang ini dijadikan motif utama yang menghiasi bangunan, tokong-tokong dan pakaian golongan pemerintah zaman feudal. Segala benda yang digunakan oleh maharaja dan maharani China pada masa silam sering dikaitkan dengan haiwan dan unggas ini. Pelbagai istilah yang berkaitan dengan naga dan burung *phoenix* dicipta semata-mata untuk mengangkat kedudukan mereka dalam masyarakat, misalnya singgahsana dipanggil “kerusi naga”, pakaian rasmi maharaja dikenali sebagai “jubah naga”, tempat bersemayam digelar “istana naga”, kenderaan yang digunakan oleh permaisuri disebut “kereta *phoenix*” dan sebagainya (Pang Jin, 1988). Pada zaman dinasti Qin, bendera kebangsaan China menggunakan motif naga sebagai lambang kebesaran. Selain itu, setem pertama China dikenali sebagai “kepala naga” kerana reka bentuknya ialah seekor naga. Tidak keterlaluan jika dikatakan China bersinonim dengan naga kerana imej tersebut telah diterima umum, misalnya pada masa ini, pameran yang diadakan di luar negara kerap menggunakan lambang naga untuk mewakili negara China. Di samping itu, reka bentuk kulit depan buku China yang dicetak oleh penerbit asing turut menggunakan lambang naga. Gelaran “naga raksasa dari timur” kini menjadi kata ganti nama yang dipadankan dengan negara China memandangkan pengaruhnya yang sangat kuat dalam budaya masyarakat Cina (Du Feibao, 1998). Naga dan burung *phoenix* dalam kesusasteraan dan seni lukis masyarakat Cina ialah lambang untuk orang yang tinggi kedudukan sosialnya dan berbakat luar biasa. Kadang-kadang naga dan burung *phoenix* dipadankan bagi melambangkan pasangan suami isteri yang berpadanan dan hidup bahagia. Sebagai sebahagian daripada seni rakyat yang tidak kurang pentingnya, tanglung naga, perahu naga, tarian naga dan tarian burung *phoenix* masih popular dalam beberapa perayaan yang disambut oleh kaum Cina sehingga ke hari ini. Orang Melayu turut mempercayai kewujudan naga di dunia. Naga dalam konteks masyarakat Melayu tradisional mempunyai badan yang sangat besar dan panjang, seperti ular yang berkaki empat; mempunyai cula atau tanduk di tengah-tengah kepalanya. Mitos tentang naga didapati dalam *Hikayat Parang Puting*, cerita tentang naga Tasek Chini, naga Pulau Tioman, naga Paya Bungur dan naga Siam kerana pengaruh Hindu-Buddha sebelum kehadiran agama Islam di tengah-tengah masyarakat Melayu. Unsur naga tidak ditemui dalam peribahasa bahasa Melayu.

Sebagai rumusan, persamaan makna yang terdapat dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina bukanlah secara kebetulan kerana menggunakan unsur yang sama, seperti padi, ayam, dan bunga. Sebaliknya, lebih banyak peribahasa yang menggunakan unsur yang berlainan tetapi mengandungi makna yang sama.

Pertentangan Dedua dalam Peribahasa Bahasa Melayu dan Peribahasa Bahasa Cina

Dengan meneliti penggunaan kata dalam peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina, penyelidik dapat merungkaikan kesejajaran pemikiran kedua-dua masyarakat tersebut. Kesejajaran pemikiran difahami dengan lebih mendalam kerana penyelidik menggunakan teori dekonstruksi yang berpandangan bahawa manusia membuat tanggapan tentang kejadian alam secara bertentangan, iaitu positif lawan negatif, yang dikenali sebagai pertentangan dedua. Corak pemikiran orang Melayu dan orang Cina mempunyai hubungan dengan keadaan hidup manusia yang selalu berhadapan dengan sifat positif dan negatif, khususnya antara akal dengan nafsu.

Setelah diteliti oleh penyelidik, didapati sebanyak 15 daripada 30 peribahasa dalam artikel ini mengandungi pertentangan dedua. Kata yang berlawanan sengaja dicondongkan supaya senang dikesan oleh pembaca. Penguraian hierarki dominan yang tidak stabil tidak dapat dilakukan kerana peribahasa bukanlah sebuah cerita dalam bentuk karangan yang ada permulaan dan kesudahannya. Nombor dan abjad a (contohnya 1a) ialah peribahasa bahasa Melayu. Nombor dan abjad b (contohnya 1b) ialah peribahasa bahasa Cina.

| <u>Bil.</u> | <u>Entiti</u> | <u>Pertentangan Dedua</u> | <u>Hierarki Dominan (Struktur Stabil)</u> |
|-------------|---------------|--|--|
| 1a. | padi | <i>berisi dan hampa</i> | Tidak sombong; rendah diri. |
| 1b. | padi | <i>merunduk dan mencuat</i> | |
| 2a. | penyu ayam | <i>tiada tahu dan pecah khabar</i> | Kesederhanaan |
| 2b. | lembu ayam | <i>tidak bersuara dan berkotek</i> | |
| 4a. | telaga | <i>keruh dan jernih</i> | Tutur kata dan perangai yang baik tidak akan terbit daripada orang yang rendah budi pekertinya |
| 6a. | manusia | <i>berakit-rakit dan berenang-renang bersusah-susah dan bersenang-senang</i> | Biar susah dahulu senang kemudian |

| | | | |
|------|------------------|---|---|
| 6b. | pengalaman hidup | <i>pahit dan manis</i> | |
| 7a. | haiwan | <i>gajah dan kancil</i> | Orang yang tidak sedar diri hendak meniru-niru perbuatan orang kaya |
| 9b. | penyepit | <i>mudah dan sukar</i> | Muafakat menjadikan kita kuat |
| 11a. | manusia | <i>berhutang dan membayar membunuh dan kena bunuh</i> | Manusia bertanggungjawab atas setiap perbuatannya |
| 11b. | manusia | <i>membunuh dan dibunuh berhutang dan membayar</i> | |
| 12a. | buah macang | <i>di luar dan di dalam baik dan busuk</i> | Perempuan yang sudah rosak, hanya kelihatan baik di luar |
| 12b. | musang | <i>dewi dan siluman</i> | |
| 14a. | manusia | <i>hidup dan mati</i> | Saling membantu dalam kehidupan |
| 15a. | bangau | <i>terbang dan hinggap</i> | Orang yang jauh merantau, akhirnya kembali ke kampung |
| 21a. | makanan racun | <i>susu dan tuba</i> | Baik dibalas jahat |
| 23b. | manusia | <i>binasa dan hidup</i> | Lebih baik mati daripada menanggung malu |
| 26a. | sirih | <i>menjalar dan memanjat</i> | Setiap kerja hendaklah dikerjakan mengikut peraturannya |
| 27a. | manusia | <i>bapa dan anak</i> | Kalaulah orang yang lebih tua menunjukkan teladan yang buruk, |
| 27b. | manusia | <i>bapa dan anak</i> | orang muda akan berperangai lebih teruk. |
| 30a. | burung | <i>enggang dan pipit</i> | Bersahabat atau berkahwin elok dengan yang sama pangkat atau |
| 30b. | burung | <i>phoenix dan gagák</i> | kedudukan |

KESIMPULAN

Peribahasa bahasa Melayu dan peribahasa bahasa Cina mempunyai beberapa persamaan. Mesej yang hendak disampaikan kepada masyarakat bertujuan mendidik, di samping mengandungi nilai-nilai moral. Penggunaan unsur alam bersinonim dengan penciptaan peribahasa itu sendiri. Sebagai golongan petani dan nelayan, masyarakat Melayu dan masyarakat Cina pada zaman dahulu banyak berinteraksi dengan alam semula jadi. Unsur alam seperti bukit, air, laut, api, padi, buluh, buah, unggas dan mergastua menjadi lambang yang mengandungi pengertian tertentu dan cukup mendalam falsafahnya. Unsur-unsur tersebut hilang makna asalnya kerana di samping makna yang berlapis, pentafsiran makna kadangkala bersifat dedua, positif – negatif, tetapi saling melengkapi. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat landasan pemikiran yang sama antara kedua-dua bangsa walaupun berlainan kepercayaan, pegangan agama, dan kebudayaan. Pemikiran dan pengalaman hidup yang dilestarikan oleh bangsa Melayu dan bangsa Cina melalui peribahasa lebih banyak memperlihatkan keserasian daripada perbezaan kerana kedua-dua bangsa ini mempunyai nilai, kebenaran, dan pandangan yang bersifat sejagat ketika berhadapan dengan perkara dan masalah yang sama. Cara dan gaya pengutaraannya pula memperlihatkan ciri khas daripada bangsa itu sendiri lantaran kelainan bahasa, latar belakang geografi, dan tradisi yang diwarisi daripada generasi terdahulu serta sifat keterbukaan sesuatu bahasa itu dalam menerima unsur peradaban luar. Perbezaan tersebut hanyalah bersifat luaran yang tidak dapat dielakkan.

RUJUKAN

- Abdullah Hussain, 1975. *Canai Budi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, C.C., 1951. *Malay Sayings*. Singapura: Asia Pacific Press.
- Du Feibao, 1998. *Dragon and Phoenix*. China: Xindexo Business Information Company.
- http://faculty.goucher.edu/eng105sanders/binary_oppositions.htm 6/20/2005
- <http://flash.lakeheadu.ca/~adenotte/Deconstruction/kates.html> 6/21/2005
- <http://jupiter.phy.ohiou.edu/~rouzie/307j/binary.html> 6/20/2005
- Luo Huayian, 2000. *Xiandai Hanyu Yufa*. Perak: Penerbitan Seni Hijau.
- Mohd. Tajuddin Hj. Abd. Rahman, 2002. *Kamus Peribahasa (Bahasa Melayu-Bahasa Cina)*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Mohd. Tajuddin Hj. Abd. Rahman dan Rahman Shaari, 1977. *Teman Pelajar Peribahasa untuk KBSM*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Mila Rohana, "The Year of the Dog" dlm. *Wings of Gold*, 8:2, 1982.
- Zainal Abidin Ahmad, 2002. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.